



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN NO. 3/97

TAJUK PROGRAM-PROGRAM LATIHAN/KURSUS BERTARAF ATP DI BAWAH SKIM PROLUS

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis telah mengalami beberapa kesulitan untuk memproses permohonan dan juga tuntutan program-program latihan/kursus bertaraf ATP di bawah Skim PROLUS. Kesulitan berkenaan adalah disebabkan tajuk program-program latihan/kursus yang dipohon atau dituntut tidak sama dengan tajuk program-program latihan/kursus yang telah mendapat taraf ATP di bawah skim ini.

Contoh -contoh kesilapan yang berlaku adalah seperti berikut:-

	Tajuk program ATP yang didaftarkan	Tajuk program yang dipohon/dituntut
i)	Deck Ratings	Kelasi Geladak
ii)	Founation Paradox For Dos	Foundation Paradox
iii)	Advanced Microsoft Word Advanced Microsoft Excel Advanced Microsoft Access	Microsoft Package

Oleh yang demikian, penyedia latihan adalah diminta untuk memastikan semua program-program latihan/kursus bertaraf ATP yang dikendalikan mestilah menggunakan tajuk yang telah didaftarkan. Kegagalan untuk menggunakan tajuk yang telah didaftarkan boleh mengakibatkan permohonan dan tuntutan majikan yang menyertai program-program latihan/kursus berkenaan ditolak. Sebarang perubahan terhadap tajuk program-program latihan/kursus bertaraf ATP mesti dimaklumkan kepada Majlis dan mendapat kelulusan terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(SHAHRIK BIN HASSAN)
b.p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

